

19 OCT 1998

Dompok-Pilihan Raya

DOMPOK YAKIN BN TERUS PERINTAH SABAH

KOTA KINABALU, 19 Okt (Bernama) -- Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok berkata beliau yakin Barisan Nasional (BN) Sabah yang dianggotai sembilan parti komponen, mampu memenangi pilihan raya negeri yang akan datang.

Katanya keyakinan itu didasarkan kepada kemampuan BN membangunkan negeri itu sejak membentuk kerajaan lebih empat tahun lepas.

"Ya, kita akan menang," katanya kepada pemberita ketika menghadiri rumah terbuka Naib Presiden Parti Maju Sabah (SAPP) Datuk K.A. Vanar di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Tokyo dua hari lepas yang melahirkan keyakinan BN akan terus membentuk kerajaan di negara ini walaupun majoritinya mungkin berkurangan.

Dompok yang juga Pengerusi BN Sabah berkata kerajaan juga sedang berusaha keras untuk membawa negara keluar daripada masalah ekonomi dan rakyat dapat menilai kesungguhan dan kemampuan kerajaan mengatasi masalah itu.

"Keputusan ada di tangan rakyat tapi saya rasa mereka boleh menilai apa yang telah dilakukan oleh kerajaan dalam membangunkan negeri ini," katanya.

Mengenai kemungkinan BN Sabah mengalami majoriti kecil pada pilihan raya itu, beliau berkata ia tidak menjadi masalah besar kerana Perlembagaan Negeri memperuntukkan pelantikan enam anggota Dewan Undangan Negeri oleh parti yang menang.

BN kini menguasai 43 daripada 48 kerusi Dewan Undangan Negeri, Parti Bersatu Sabah empat kerusi dan Bebas satu.

Daripada 43 kerusi yang dikuasai BN, 21 diwakili oleh Umno, 11 kerusi Parti Demokratik Sabah (PDS), lima SAPP, tiga Akar Bersatu, dua Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) dan satu MCA. Tiga lagi parti komponen -- MIC, LDP dan Gerakan tidak mempunyai wakil.

Daripada enam anggota Dewan Undangan Negeri Dilantik, tiga adalah daripada Bn dan tiga lagi dari PBS.

Penggal pemerintahan kerajaan BN sekarang tamat pada 18 Mac tahun depan.

Yang turut menghadiri majlis rumah terbuka itu ialah Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai.

-- BERNAMA

JS MAI